

23 JUN 1999
KDNK-SUKU 1ST
KDNK SUKU 1ST MALAYSIA MENGUNCUP 1.3 PERATUS

KUALA LUMPUR, 23 Jun (Bernama) -- Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) menguncup sebanyak 1.3 peratus dalam suku pertama tahun ini daripada tahun lalu berdasarkan tahun asas 1987 dan kaedah pengiraan baru.

Ketika mengumumkan demikian hari ini, Gabenor Bank Negara Malaysia Tan Sri Ali Abul Hassan Sulaiman berkata KDNK suku pertama seharusnya menguncup sebanyak 1.6 peratus, seperti yang disebut oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini, dengan menggunakan kaedah lama dan tahun asas perangkaan 1978.

Bercakap pada satu sidang akhbar bersama Bank Negara dan Jabatan Perangkaan, beliau berkata negara telahpun keluar dari zaman melesetnya berdasarkan pertumbuhan KDNK sebanyak 1.4 peratus yang dicatat dalam tempoh Februari hingga Mac berbanding tempoh yang sama tahun lalu.

"Januari tidak menunjukkan prestasi baik kerana pengeluaran pembuatan merosot dengan banyaknya," katanya. "Februari dan Mac mencatat pertumbuhan 1.4 peratus, jadi kita mencapai pertumbuhan positif dan kita telahpun keluar dari zaman meleset," tambah Ali Abul.

Sambil berkata bahawa suku pertama menandakan berakhirnya pertumbuhan (KDNK) negatif dan penguncupan selama empat suku tahun beturut-turut, beliau menambah kata bahawa bagi suku kedua, KDNK akan kembali mencapai pertumbuhan positif.

"Pertumbuhan KDNK bagi suku ketiga dan keempat bukan sahaja positif malah juga akan lebih teguh," tegas gabenor itu.

Beliau menambah kata bahawa prestasi KDNK keseluruhannya bagi tahun ini akan lebih tinggi daripada satu hingga dua peratus yang diunjurkan terdahulu dengan sektor pembuatan membawa negara keluar dari kemelesetan.

"Saya tidak akan menyemak perangkaan rasmi Bank Negara, iaitu pertumbuhan satu peratus bagi 1999 walaupun banyak agensi penyelidikan asing meletakkan pertumbuhan KDNK bagi Malaysia pada tahap yang lebih tinggi.

"Unjuran lebih tinggi yang dibuat oleh banyak agensi ini mungkin menjadi kenyataan.

"Kita menjangkakan pertumbuhan yang lebih tinggi dalam suku kedua dan ketiga," katanya sambil menambah "pengurus-pengurus dana telah membayangkan pertumbuhan dua peratus tahun ini."

Ali Abul berkata sektor pembuatan, yang menduduki tempat kedua selepas sektor perkhidmatan dari segi sumbangan kepada KDNK sekarang, akan mendahului sektor ini tidak lama lagi dan menyumbang satu pertiga daripada pertumbuhan KDNK tahun ini.

Beliau menjelaskan bahawa tanda-tanda pemulihan ekonomi, yang pertama kali dilihat dalam suku terakhir 1998, bertambah terserlah dalam suku pertama tahun ini.

Tanda-tanda menunjukkan perkembangan menggalakkan dalam keadaan ekonomi di dalam dan di luar negara, tambahnya.

Antara petunjuk utama yang terus menyerlah dalam suku pertama termasuklah kedudukan imbalan perdagangan yang mencapai lebih besar berjumlah RM15.8 bilion, pertumbuhan eksport yang meningkat selanjutnya sebanyak 4.6 peratus dalam nilai dolar AS.

Rizab antarabangsa Bank Negara mencapai AS\$31.3 bilion setakat 15 Jun, cukup untuk membiayai import tertanggung selama 6.9 bulan, inflasi menyederhana kepada empat peratus manakala keyakinan pengguna dan pelabur bertambah dengan jualan kereta yang meningkat dengan banyaknya.

Ali Abul juga berkata kadar pemberhentian kerja menyederhana selanjutnya dan kelulusan pinjaman oleh bank-bank bagi sektor pembuatan dan pembinaan terus meningkat.

Pertumbuhan negatif 1.3 peratus KDNK dalam suku pertama tahun ini menggambarkan penyederhanaan ketara dalam penguncupan yang dialami dalam suku-suku tahun kebelakangan ini berikutan tercetusnya krisis kewangan dan ekonomi Asia.

Ia mencerminkan perubahan arah dalam pengeluaran sektor pembuatan yang meningkat sebanyak 4.6 peratus pada bulan Februari dan Mac, menebus sebahagian daripada kemerosotan pada bulan Januari.

Sektor pembuatan dan pembinaan mencatat peningkatan yang paling ketara dalam prestasi ekonomi dari segi bekalan dalam suku pertama tahun ini.

Pertumbuhan nilai ditambah sektor perkhidmatan juga berubah ke arah peningkatan dalam suku pertama.

Dari segi permintaan, tanda-tanda pemulihan permintaan agregat dalam negeri juga semakin ketara dengan peningkatan perbelanjaan pengguna, seperti yang terbukti daripada pembelian kereta dan jumlah kelulusan pinjaman yang lebih tinggi bagi kredit penggunaan, menyumbang kepada penyederhanaan kemerosotan penggunaan swasta.

Ali Abul berkata kemerosotan permintaan agregat dalam negeri (termasuk saham) menyederhana dengan ketaranya dari segi nominal dan sebenar kepada 9.2 peratus dan 9.1 peratus dalam suku ini daripada kemerosotan sebanyak 24 peratus dan 28 peratus dalam suku keempat 1998.

Tentang kegiatan sektor swasta pula, Ali Abul berkata ia semakin memperlihatkan lajukan berdasarkan pengeluaran sektor pembuatan yang meningkat 4.5 peratus dalam bulan April, peningkatan bulan ketiga berturut-turut manakala import kasar dalam nilai dolar AS meningkat lagi sebanyak 14.3 peratus.

Lebih penting lagi, katanya import barangan perantara menjadi positif dalam bulan April, satu petanda baik bagi prestasi eksport dalam suku kedua.

-- BERNAMA

KCL DVS KY MA